

SEJARAH SYI'AH

Perkataan Syi'ah pada asalnya dari segi bahasa bermakna pengikut atau pendokong seseorang. Bilamana dikatakan kepada seseorang "si fulan adalah Syi'ah si fulan" maka ia bermakna orang yang mendokong atau mengikuti kehendak si fulan. Di dalam ilmu sorof perkataan Syi'ah bila mana dibentuk daripada bab "mufa'alah" iaitu "syaya'a musyaya'atan" bermakna saling memberikan ketaatan, menguatkan dan mengikuti. Di dalam Tajul 'Arus syarah kepada al-Kamus pengarangnya berkata, "Setiap golongan yang bersepakat di atas sesuatu perkara maka mereka adalah Syi'ah, setiap orang yang membela orang lain dan menjadi pengikutnya maka dia adalah Syi'ah".¹

Al-Quran juga menggunakan perkataan yang sama dalam menggambarkan seseorang adalah pengikut kepada seseorang yang lain.

وَدَخَلَ الْمَدِينَةَ عَلَى حِينٍ غَفْلَةٍ مِّنْ أَهْلِهَا فَوَجَدَ فِيهَا رَجُلَيْنِ يَقْتَتِلَانِ هَذَا مِنْ شِيعَتِهِ وَهَذَا مِنْ عَدُوِّهِ فَاسْتَنَاعَتْهُ الَّذِي
مِنْ شِيعَتِهِ عَلَى الَّذِي مِنْ عَدُوِّهِ فَوَكَرَهُ مُوسَى فَقَضَى عَلَيْهِ قَالَ هَذَا مِنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ عَدُوٌّ مُّضِلٌّ مُّبِينٌ

Dan masuklah dia ke bandar (Mesir) dalam masa penduduknya tidak menyedarinya, lalu didapatinya di situ dua orang lelaki sedang berkelahi, seorang dari golongannya (pengikut Bani Israel) sendiri dan yang seorang lagi dari pihak musuhnya (pengikut Fir'aun). Maka orang yang dari golongannya meminta tolong kepadanya melawan orang yang dari pihak musuhnya; Musa pun menumbuknya lalu menyebabkan orang itu mati. (pada saat itu) Musa berkata: Ini adalah dari kerja Syaitan, sesungguhnya Syaitan itu musuh yang menyesatkan, yang nyata (angkaranya).²

وَإِنَّ مِنْ شِيعَتِهِ لِإِبْرَاهِيمَ

Dan sesungguhnya Nabi Ibrahim benar-benar termasuk di dalam golongannya (pengikut ajaran Nabi Nuh).³

¹ Taj al-'Arus jil. 5 hal. 405

² Surah al-Qashash ayat 15

³ Surah as-Shaaffaat ayat 83.

ثُمَّ لَنُنزِعَنَّ مِنْ كُلِّ شِيعَةٍ أَيُّهُمْ أَشَدُّ عَلَى الرَّحْمَنِ عِتِيًّا

Sesudah itu, sesungguhnya Kami akan tarik dari tiap-tiap golongan (pengikut kepada sesuatu ikutan), siapa di antara mereka yang sangat durhaka kepada (Allah) Ar-Rahman.⁴

Perkataan tersebut hanya digunakan di zaman permulaan awal Islam untuk maknanya yang asal dan penggunaan tersebut meluas selepas kesyahidan Sayyidina Osman r.a. iaitu pada zaman pemerintahan khalifah keempat umat Islam iaitu Sayyidina Ali r.a. Dikatakan kepada pengikut Sayyidina Ali r.a. sebagai Syi'ah Ali dan pengikut Sayyidina Mu'awiyah r.a. sebagai Syi'ah Mu'awiyah. Namun begitu disebabkan dasar perpecahan adalah atas dasar politik dan bukannya akidah maka gelaran tersebut hilang dengan sendirinya dan perpecahan tersebut tidak berlarutan. Perkara ini diakui sendiri oleh Sayyidina Ali r.a. di dalam kenyataannya berkenaan perselisihan yang terjadi antaranya dengan Sayyidina Mu'awiyah r.a. di medan Siffin yang berbunyi:

كان بدء امرنا انا التقينا والقوم من اهل الشام، والظاهر ان ربنا واحد، ونبينا واحد، ودعوتنا في الاسلام واحد، ولا نستزيدهم في الاسلام بالله والتصديق برسوله، ولا يستزيدوننا، الامر واحد الا ما اختلفنا فيه من دم عثمان، ونحن منه براء

Telah terjadi pertempuran antara kita dengan Ahli Syam (Mu'awiyah dan Syi'ah atau pengikutnya) sedangkan yang jelas Tuhan kami adalah satu, nabi kami adalah satu, seruan kami di dalam Islam adalah satu. Kita tidak melebihi mereka di dalam tunduk (beriman) kepada Allah dan membenarkan Rasul-Nya dan mereka juga tidak melebihi kita. Persoalannya adalah satu sahaja iaitu kita berselisih pendapat tentang darah Uthman r.a. sedangkan kita tidak terlibat di dalamnya.⁵

Seterusnya perkataan Syi'ah menjadi satu istilah kepada golongan yang mendakwa sebagai pengikut Ali r.a. dan anak cucunya serta mempunyai aqidah-aqidah tertentu. Ibnul Athir menyebutkan di dalam kitabnya:

⁴ Surah Maryam ayat 69.

⁵ Nahj al-Balaghah hal. 448

وَأَصْلُ الشَّيْبَةِ الْفِرْقَةُ مِنَ النَّاسِ وَتَقَعُ عَلَى الْوَاحِدِ وَالْإِثْنَيْنِ وَالْجَمْعِ وَالْمُذَكَّرِ وَالْمُؤَنَّثِ بِلَفْظٍ وَاحِدٍ وَمَعْنَى وَاحِدٍ .
وَقَدْ غَلَبَ هَذَا الْاسْمُ عَلَى كُلِّ مَنْ يَزْعُمُ أَنَّهُ يَتَوَلَّى عَلِيًّا رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ وَأَهْلَ بَيْتِهِ حَتَّى صَارَ لَهُمْ أَسْمَاءً خَاصًّا
فَإِذَا قِيلَ فُلَانٌ مِنَ الشَّيْبَةِ عُرِفَ أَنَّهُ مِنْهُمْ

“Asal Syi’ah adalah bermakna satu golongan manusia. Ia diungkapkan untuk seorang, dua orang atau lebih. Penggunaannya juga adalah untuk lelaki dan perempuan dengan lafaz dan makna yang sama. Perkataan ini seterusnya menjadi satu nama khusus kepada golongan yang mendakwa pengikut Sayyidina Ali r.a. dan anak cucunya sehingga bila mana dikatakan “orang itu adalah Syi’ah” maka bermakna ia tergolong dari kalangan mereka”.⁶

Syi’ah mengikut istilah tersebut bermula pada zaman Sayyidina Osman r.a. bahkan ianya boleh dikatakan bermula pada zaman Sayyidina Omar r.a. lagi iaitu bila mana ibukota Farsi, al-Madain jatuh ketangan umat Islam maka kebencian terhadap golongan sahabat r.a. mula meluap-luap di kalangan golongan Majusi dan Yahudi. Mereka mula membuat perancangan untuk menjatuhkan kerajaan Islam. Lalu muncullah seorang yang diberi gelaran Abu Lu’luah dengan perancangannya bersama al-Humazan telah menyelinap masuk ketengah-tengah masyarakat umat Islam lalu memperolehi peluang untuk membunuh Khalifah kedua umat Islam. Kerana itulah tidak menjadi suatu yang pelik bila penganut Syi’ah telah memberikan gelaran yang begitu tinggi terhadap beliau dengan gelaran “Baba ‘Alaauddin” atau “Baba Syuja’uddin” yang bermaksud “wira agama”. Bahkan sebagai tanda kegembiraan terhadap pembunuhan Sayyidina Omar r.a. ini maka seorang tokoh Syi’ah yang bernama al-Ahwas Ahmad bin Ishak al-Qummi telah mencipta satu perayaan yang dikenali sebagai perayaan Baba Syuja’uddin dan perayaan tersebut telah disambut dengan penuh kemeriahan oleh penganut Syi’ah sehingga kini.⁷

Kemudian di zaman Sayyidina ‘Uthman r.a. bilamana golongan Nasrani, Majusi dan Yahudi melihat perkembangan Islam semakin pesat maka mereka mula memikirkan cara yang lain pula untuk menghancurkan Islam setelah perancangan sebelumnya iaitu pembunuhan khalifah tidak berjaya. Selepas itu barulah mereka yakin berhadapan dengan umat Islam yang masih lagi berpegang kepada ajaran Islam yang suci murni tidak akan menghasilkan kejayaan kepada mereka. Maka mereka merancang untuk memusnahkan pegangan suci umat Islam. Bertolak dari situlah maka mereka mula merancang bagaimana untuk memusnahkan umat Islam dari dalam iaitu merosakkan pegangan suci umat Islam. Lalu

⁶ An-Nihayah fi Gharib al-Athar jil. 2 hal. 244

⁷ Mukaddimah Mukhtasar Tuhfah Ithna ‘Asyariyyah, Syah Abdul Aziz

muncullah Abdullah bin Saba' atau dikenali juga dengan Ibnus Sauda' membawa berbagai-bagai fahaman yang sama sekali tidak ada kena mengena dengan ajaran Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w..

Bukan hanya ahli sejarah sahaja yang menyebutkan peranan Ibnu Saba' untuk memecahbelahkan kesatuan umat Islam dan memperluaskan istilah Syi'ah sebagaimana makna yang khusus itu tetapi ianya juga disebutkan oleh ulama-ulama yang terkenal di dalam bidang lain. Antaranya apa yang disebutkan oleh Imam Abu al-Hasan al-Asy'ari:

"Abdullah ibnu Saba' adalah seorang Yahudi daripada penduduk San'aa Yaman. Ibunya adalah Sauda'. Dia berpura-pura memeluk Islam di zaman Sayyidina 'Uthman r.a. kemudian dia berpindah di negeri-negeri Hijaz. Selepas itu dia berpindah pula ke Basrah, Kufah dan Syam. Pada setiap negeri yang ia tinggal, dia membuat perancangan untuk menyesatkan orang-orang yang lemah agamanya. Namun begitu ia tidak mampu melakukannya maka ia tinggal di Mesir di kalangan penduduknya. Beliau berusaha secara berterusan untuk memalingkan penduduknya daripada asas agama mereka dan memperdaya mereka dengan menampakkan keelokan serta kecantikan ajaran yang dibawanya sehingga ajaran tersebut tampak segar dan lebih baik. Di antara perkataan yang disebutkan Ibnu Saba' kepada mereka ialah: "Aku hairan bagaimana kamu mempercayai bahawa Isa bin Maryam akan kembali ke dunia ini dan mendustakan bahawa Muhammad akan turut kembali juga ke dunia"? Dia terus memesongkan mereka sehingga mereka mempercayai dan menerima pendapat tentang raj'ah (kembalinya Nabi Muhammad s.a.w. ke dunia sebelum kiamat). Dia berkata lagi: "Sesungguhnya setiap Nabi mempunyai wasi (penerima wasiat), sesungguhnya Ali bin Abi Talib adalah wasi kepada Muhammad s.a.w.. Tidak ada orang yang lebih zalim daripada orang yang menghalang wasiat tersebut serta tidak melaksanakannya bahkan melampaui batas tersebut dengan merampas hak tersebut. Sesungguhnya 'Uthman telah merampas hak Ali dan menzaliminya. Bangkitlah dan arahkan tumpuan kamu kepada mengembalikan hak tersebut kepada ahlinya. Hendaklah kamu mentohmah pemerintah-pemerintah kamu dan menyatakan perintah supaya menyuruh melakukan perkara ma'aruf dan menegah daripada perkara munkar kerana sesungguhnya kamu akan mempengaruhi hati-hati manusia dengan perkara tersebut. Ambillah seruan ini dan bantulah untuk menghantar orang-orang yang akan melaksanakannya di seluruh pelusuk negeri".

Mereka terus menulis dan mengutuskan surat antara satu sama lain sehinggalah berlakulah apa yang telah ditentukan oleh Allah ta'ala. Korban pertama hasil daripada usaha mereka ini adalah Khalifah (Sayyidina `Uthman r.a.) yang telah dibunuh dalam keadaan dizalimi serta bersamanya kitab Allah. Mereka telah mencerooboh kediamannya serta kawasan larangan miliknya dan (ingatlah) ketetapan Allah adalah sesuatu yang ketetapan yang ditentukan berlakunya.⁸

Hafiz Ibnu Hajar menukikan kata-kata Ibnu Asakir di dalam tarikhnya yang berbunyi,

"كان أصله من اليمن ، وكان يهودياً فأظهر الإسلام وطاف بلاد المسلمين ليلفتهم عن طاعة الأئمة ويدخل بينهم الشر ، ودخل دمشق لذلك ."

"Asalnya adalah daripada Yaman, dia adalah seorang Yahudi lalu menyatakan keislaman dan mengelilingi negeri-negeri orang Islam untuk memalingkan mereka daripada ketaatan kepada pemimpin-pemimpin dan memasukkan kejahatan di kalangan mereka, Dia juga memasuki Damsyik untuk tujuan tersebut".⁹

Abul Muzaffar al-Isfiraini juga menyebutkan perkara yang sama,

"إن ابن سودة كان رجلاً يهودياً وكان قد تستر بالإسلام، أراد أن يفسد الدين على المسلمين".

"Sesungguhnya Ibnus Sauda' adalah seorang Yahudi dan ia menyembunyikan dirinya dengan Islam. Dia mahu merosakkan agama ke atas orang-orang Islam".¹⁰

Imam Thabari di dalam tarikhnya menyebutkan secara terperinci bahawa Ibnu Saba' begitu gigih berusaha untuk menimbulkan fitnah dan kerosakan sehingga ia berpindah sehari berada di Basrah, sehari di Kufah dan sehari di Mesir.¹¹

⁸ Maqaalat al-Islamiyyin jil. 1 hal. 50, Tarikh at-Thabari jil. 2 hal. 469.

⁹ Lisan al-Mizan jil. 2 hal. 39

¹⁰ At-Tabsir fi ad- Din hal. 109

¹¹ Tarikh at-Thabari jil. 5 hal. 90

Sejarah berkenaan peranan Ibnu Saba' di dalam merosakkan agama Islam yang dibawa Nabi Muhammad s.a.w. dan sebagai pengasas kepada ajaran Syi'ah juga disebutkan di dalam kitab-kitab yang lain seperti Tarikh Ibni Khaldun jil. 2 hal. 139, Mizan al-I'tidal jil. 1 hal. 383, Al-Ibanah al-Kubra *Ibnu Batthah* jil. 2 hal. 305, al-Fasl fi al-Milal wa an-Nihal karangan *Ibnu Hazam* jil. 4 hal. 138, al-Milal wa an-Nihal *Syahrastani* jil. 1 hal. 172, al-Kamil fi at-Tarikh *Ibnu al-Athir* jil. 2 hal. 4, Tarikh Dimasyq *Ibnu 'Asakir* jil. 29 hal. 2 dan lain-lain.

Kitab-kitab Syi'ah juga tidak sunyi daripada menyebutkan peranan Ibnu Saba' di dalam menyebarkan ajaran tersebut. Antaranya Abu Muhammad Hasan bin Musa an-Naubakhti:

" السبئية : أصحاب عبد الله بن سبأ وكان ممن أظهر الطعن على أبي بكر وعمر وعثمان والصحابه وتبرأ منهم ، وقال : إن علياً - عليه السلام - أمره بذلك ، فأخذه علي فسأله عن قوله هذا ، فأقربه ، فأمر بقتله ، فصاح الناس إليه : يا أمير المؤمنين أتقتل رجلاً يدعو إلى حاكم أهل البيت وإلى ولايتك والبراءة من أعدائك ؟ فصيره إلى المدائن .

وحتى جماعة من أهل العلم من أصحاب علي - عليه السلام - أن عبد الله بن سبأ كان يهودياً فأسلم وولى علياً - عليه السلام - وكان يقول وهو علي يهوديته في يوشع بن نون بعد موسى - عليه السلام - بهذه المقالة ، فقال بعد إسلامه في علي - عليه السلام - بمثل ذلك ، وهو أول من شهر القول بفرض إمامة علي - عليه السلام - وأظهر البراءة من أعدائه وكاشف مخالفه ، فمن هناك قال من خالف الشيعة إن أصل الرفض مأخوذ من اليهودية ، ولما بلغ عبد الله بن سبأ نعي علي بالمدائن قال للذي نعاه : كذبت لو جئتنا بدماعه في سبعين صرة وأقمت على قتله سبعين عدلاً لعلمنا أنه لم يقتل ، ولا يموت حتى يملك الأرض".

"As-Sabaiyyah: pengikut Abdullah Ibnu Saba'. Dialah orang yang menyatakan celaan terhadap Abu Bakar, Umar, 'Uthman dan sahabat-sahabat yang lain serta menyatakan berlepas diri daripada mereka. Dia berkata: "Sesungguhnya Ali a.s. telah memerintahkan begitu maka Ali a.s. menangkapnya lalu bertanya tentang apa yang diperkatakan olehnya lantas dia mengakuinya. Maka Ali a.s. memerintahkan supaya ia dibunuh. Lalu berteriaklah orang ramai: "Wahai Amirul Mukminin! Apakah engkau akan membunuh seorang yang menyeru kepada cintakan kamu iaitu Ahlul Bait dan kepada berlepas diri dari musuh-musuh engkau"? Maka Ali a.s. menghantarnya ke Madain.

Sebahagian ahli ilmu dari kalangan pengikut Ali a.s. menyebutkan bahawa Abdullah bin Saba' adalah seorang Yahudi lalu dia memeluk Islam dan mengatakan wala' terhadap Ali a.s.. Dia juga berpendapat ketika masih lagi di dalam agama Yahudinya tentang Yusa' bin Nun (sebagai wasi) selepas Musa a.s. maka dia berkata selepas Islamnya tentang Ali a.s. sama seperti itu. Dialah orang yang mula-mula mempopularkan pendapat tentang kefarduan melantik Ali a.s. sebagai imam dan menyatakan berlepas diri terhadap musuh-musuhnya serta mendedahkan kekufurannya. Kerana itu orang yang menyalahi Syi'ah akan berkata, "Sesungguhnya asal Rafidhah diambil daripada Yahudi". Bilamana sampai berita kematian Ali kepada Abdullah Ibnu Saba' yang ketika itu berada di al-Madain, dia berkata

kepada orang yang membawa berita tersebut: "Engkau dusta. Kalau engkau bawakan otaknya (Ali) di dalam tujuh puluh pundi-pundi dan engkau mengemukakan tujuh puluh orang yang adil sebagai saksi maka sesungguhnya kami yakin bahawa dia tidak akan dibunuh, dia tidak akan mati sehinggalah dia dapat menguasai dunia".¹²

Al-Kasysyi menukulkan satu riwayat daripada Imam Ja'far al-Sadiq:

عن أبان بن عثمان، قال سمعت أبا عبدالله عليه السلام يقول: لعن الله عبدالله بن سبأ أنه ادعى الربوبية في أمير المؤمنين عليه السلام وكان والله أمير المؤمنين عليه السلام عبداً لله طائعا، الويل لمن كذب علينا وأن قوماً يقولون فينا ما لا نقوله في أنفسنا، نبراً إلى الله منهم نبراً إلى الله منهم.

Daripada Aban bin Uthman katanya, aku mendengar Abu Abdillah Jaafar al-Sadiq berkata: "Semoga Allah melaknat Abdullah bin Saba, sesungguhnya dia mendakwa Rububiyah (ketuhanan) pada Amirul Mukminin a.s. sedangkan demi Allah, Amirul Mukminin a.s. adalah seorang hamba Allah yang taat. Celakalah ke atas sesiapa yang berdusta atas nama kami. Sesungguhnya ada kaum yang memperkatakan tentang kami apa yang tidak kami perkatakan tentang diri kami sendiri. Kami berlepas diri kepada Allah dari mereka, kami berlepas diri kepada Allah dari mereka".¹³

Tokoh-tokoh Syi'ah yang lain yang menyebutkan perkara sama adalah al-Hulli dalam Kitab al-Rijal hal. 469, al-Mamqaami seorang tokoh ulamak mutaakhir Syi'ah tentang Rijal dalam kitabnya Tanqih al-Maqal jil. 2 hal. 184, al-Ustarabadi dalam Manhaj al-Maqal hal. 203, Ibnu Abi al-Hadid dalam Syarah Nahj al-Balaghah jil. 2 hal 309, Syeikh Abbas al-Qummi dalam Tuhfah al-Ahbab hal. 184, Ibnu Babuwaih al-Qummi di dalam Man La Yahdhurul Faqih jil. 1 hal. 213, Syeikh Mufid di dalam Syarh 'Aqid as-Sudur hal. 257 dan lain-lain.

Namun begitu golongan Syi'ah akhir-akhir ini cuba untuk menafikan hubungan mereka dengan Abdullah bin Saba' dengan mengatakan bahawa beliau adalah manusia rekaan ahli sejarah Ahlus Sunnah sahaja. Antara ulamak mereka yang terkedepan di dalam usaha tersebut adalah Sayyid Murtadha al-Askari yang telah mengarang sebuah kitab sebanyak dua jilid berjudul *Abdullah ibnu Saba wa Asatir al-Ukhra*. Tetapi alasan yang dikemukakan oleh beliau adalah tersangat cetek di mana beliau membuat kesimpulan bahawa kisah berkenaan Abdullah ibnu Saba' ini datangnya hanya dari satu sumber sahaja iaitu Saif bin Umar dan ianya berasal daripada riwayat Imam Thabari. Di dalam kitab tersebut beliau mengemukakan kata-kata imam Jarh wa at-Ta'dil tentang kedho'ifan Saif bin Umar dengan maksud untuk menjatuhkan kedudukannya sebagai perawi yang boleh dipercayai seterusnya membawa kepada penolakan terhadap segala riwayat berkenaan kewujudan Ibnu Saba'.

Hakikatnya apa yang dikemukakan oleh Murtadha al-Askari tersebut tidak lebih daripada *taqiyyah* untuk menutup hakikat sebenar. Kerana itu kalau diperhatikan kepada kitab-kitab Ahlus Sunnah Wal Jamaah maka kita akan dapati begitu banyak riwayat-riwayat melalui

¹² Firaq as-Syi'ah hal. 23, Rijal al-Kasyi jid.1 hal. 326, Bihar al-Anwar jil. 25 hal. 286, al-Anwar an-Nu'maniyyah jil. 2 hal. 284

¹³ Rijal al-Kasysyi jil. 1 hal. 325

Saif bin Umar yang bukan hanya diriwayatkan oleh Imam at-Thabari dan juga riwayat yang langsung tidak ada kena mengena dengan kedua-duanya.

Di antara riwayat yang dikemukakan oleh selain Imam Thabari melalui jalan periwayatan Saif bin Umar ialah:

Pertama:

أخبرنا أبو القاسم إسماعيل بن أحمد أنا أحمد بن النقر أنا محمد بن عبد الرحمن بن العباس أنا أبو بكر بن سيف نا السري بن يحيى نا شعيب بن إبراهيم نا سيف بن عمر عن عطية عن يزيد الفقعسي قال كان ابن سبأ يهوديا من أهل صنعاء من أمه سوداء فأسلم زمن عثمان بن عفان ثم تنقل في بلاد المسلمين يحاول ضلالتهم فبدأ بالحجاز ثم بالبصرة ثم الكوفة ثم الشام فلم يقدر على ما يريد عند أحد من أهل الشام فأخرجوه حتى أتى مصر فاعتمر فيهم فقال لهم فيما كان يقول العجب ممن يزعم أن عيسى يرجع ويكذب بأن محمدا يرجع وقد قال الله عز وجل " إن الذي فرض عليك القرآن لرادك إلى معاد " فمحمد أحق بالرجوع من عيسى قال فقبل ذلك عنه ووضع له الرجعة فتكلموا فيها ثم قال بعد ذلك إنه كان ألف نبي ولكل نبي وصي وكان علي وصي محمد ثم قال محمد خاتم النبيين وعلي خاتم الأوصياء ثم قال بعد ذلك من أظلم ممن لم يجز وصية رسول الله (صلى الله عليه وسلم) ووثب على وصي رسول الله (صلى الله عليه وسلم) ثم تناول الأمة ثم قال لهم بعد ذلك إن عثمان قد جمع أموالا أخذها بغير حقها

Abu al-Qasim Ismail bin Ahmad telah menceritakan kepada kami, katanya: Ahmad bin an-Nuqur telah menceritakan kepada kami, katanya: Muhammad bin Abd ar-Rahman bin al-'Abbas telah menceritakan kepada kami, katanya: Abu Bakr bin Saif telah menceritakan kepada kami, katanya: as-Sariyy bin Yahya telah meriwayatkan kepada kami, katanya: Syu'aib bin Ibrahim telah meriwayatkan kepada kami, katanya: Saif bin Umar telah meriwayatkan kepada kami daripada 'Athiyyah daripada Yazid al-Faq'asiyy katanya: "Ibnu Saba' dahulunya adalah seorang Yahudi daripada penduduk San'aa daripada ibunya seorang perempuan hitam. Dia (berpura-pura) memeluk Islam di zaman Sayyidina 'Uthman r.a. kemudian dia berpindah-randah di negeri-negeri umat Islam dengan cuba untuk menyesatkan mereka. Bermula di Hijaz kemudian Basrah, Kufah dan seterusnya Syam, beliau tidak mampu melaksanakan apa yang dikehendaknya kepada seorangpun penduduk Syam sehingga mereka menghalaunya ke Mesir lalu dia mengemukakan kepada mereka sebagaimana yang biasa ia ungkapkan iaitu: "Aku hairan bagaimana kamu mempercayai bahawa Isa akan kembali (ke dunia) dan mendustakan bahawa Muhammad akan turut kembali juga sedangkan Allah ta'ala berfirman "Sesungguhnya Allah yang mewajibkan kepadamu (beramal dan menyampaikan) Al-Quran (wahai Muhammad) sudah tentu akan mengembalikan kamu ke tempat kembali". Muhammad lebih layak dibangkitkan kembali daripada 'Isa". Dia (perawi) berkata: "Lalu diterima pendapat tersebut daripadanya dan dia menetapkannya sebagai raj'ah sehingga mereka memperkatakan tentangnya. Kemudian dia berkata selepas itu: "Sesungguhnya sudah berlalu seribu orang nabi dan setiap nabi mempunyai wasi (penerima wasiat) dan Ali merupakan wasi Muhammad s.a.w.. Kemudian ia berkata lagi: "Muhammad adalah penutup sekalian nabi dan Ali adalah penutup para wasi". Kemudian dia berkata lagi: "Siapakah ada orang yang lebih zalim daripada orang yang tidak melaksanakan wasiat Rasulullah s.a.w. bahkan menentang Ali wasi Rasulullah

s.a.w.. Kemudian orang ramai menerimanya lalu ia berkata selepas itu: "Sesungguhnya 'Uthman telah menghimpunkan harta-harta yang bukan haknya".¹⁴

Kedua:

وقال سيف بن عمر، عن عطية، عن يزيد الفقعسي قال: لما خرج ابن السوداء إلى مصر نزل على كنانة بن بشر مرة، وعلى كنانة بن حمران مرة

Saif bin Umar berkata daripada 'Atiyyah daripada Yazid al-Faq'asiyy katanya: "Tatkala Ibnu as-Sauda' (Ibnu Saba') keluar ke Mesir ada ketikanya dia tinggal dengan Kinanah bin Bisyr dan ada kalanya dia tinggal dengan Kinanah bin Humran".¹⁵

Dua contoh yang dikemukakan di atas adalah sebagai bukti bahawa bukan hanya Imam at-Thabari sahaja yang mengemukakan riwayat tentang Ibnu Saba' riwayat melalui Saif bin Umar.

Di samping itu terdapat juga riwayat berkenaan Ibnu Saba' melalui riwayat selain daripada Saif bin Umar seperti:

أخبرنا أبو البركات الأنماطي أنا أبو طاهر أحمد بن الحسن وأبو الفضل أحمد بن الحسن قالوا أنا عبد الملك بن محمد بن عبد الله أنا أبو علي بن الصواف نا محمد بن عثمان بن أبي شيبة نا محمد بن العلاء نا أبو بكر بن عياش عن مجالد عن الشعبي قال أول من كذب عبد الله بن سبأ

Abu al-Barakat al-Anmaathi telah menceritakan kepada kami, katanya: Abu Tahir Ahmad bin al-Hasan dan Abu al-Fadhl Ahmad bin al-Hasan telah menceritakan kepada kami, mereka berdua berkata: Abdul Malik bin Muhammad bin Abdullah telah menceritakan kepada kami, katanya: Abu Ali bin as-Sawwaf telah menceritakan kepada kami, katanya: Muhammad bin Uthman bin Abi Syaibah telah meriwayatkan kepada kami, katanya: Muhammad bin al-'Alaa telah meriwayatkan kepada kami, katanya: Abu Bakar bin 'Ayyasy telah meriwayatkan kepada kami daripada Mujalid daripada Sya'bi katanya: "Orang yang mula-mula berdusta adalah Abdullah ibnu Saba'".¹⁶

قرأنا على أبي عبد الله يحيى بن الحسن عن أبي الحسين بن الأبنوسي أنا أحمد بن عبيد بن الفضل وعن أبي نعيم محمد بن عبد الواحد بن عبد العزيز أنا علي بن محمد بن خزفة قالوا نا محمد بن الحسن نا ابن أبي خيثمة نا محمد بن عباد نا سفيان عن عمار الدهني قال سمعت أبا الطفيل يقول رأيت المسيب بن نجبة أتى به ملببة يعني ابن السوداء وعلى المنبر فقال علي ما شأنه فقال يكذب على الله وعلى رسوله

Kami membaca di hadapan Abi Abdillah Yahya bin al-Hasan daripada Abi al-Husain bin al-Abnusi katanya: Ahmad bin 'Ubaid bin al-Fadhl telah menceritakan kepada kami dan daripada Abu Nu'aim Muhammad bin Abd al-Wahid bin Abd al-Aziz katanya: Ali bin Muhammad bin Khazafah telah menceritakan kepada kami, mereka berdua berkata:

¹⁴ Ibnu 'Asakir *Tarikh Dimasyq* jil. 29 hal. 4.

¹⁵ Imam az-Zahabi *Tarikh al-Islam* jil. 3 hal. 433.

¹⁶ *Tarikh Dimasyq* Ibnu 'Asakir jil. 29 hal. 7

Muhammad bin al-Hasan telah meriwayatkan kepada kami, katanya: Ibnu Abi Khaithamah telah meriwayatkan kepada kami katanya: Muhammad bin Abbad telah meriwayatkan kepada kami katanya: Muhammad bin 'Abbad telah meriwayatkan kepada kami, katanya: Sufyan telah meriwayatkan kepada kami daripada 'Ammar bin ad-Duhni katanya, saya mendengar Aba at-Thufail berkata: "Saya melihat Musayyab bin Nukhbah telah membawa Ibnu Saba' dengan ditarik leher bajunya ketika Ali r.a. berada di atas minbar. Ali r.a. pun berkata: "Apa hal dengan dia ini? Musayyab menjawab: "Dia telah berdusta atas nama Allah dan rasul-Nya".¹⁷

Terdapat beberapa riwayat lagi yang dikemukakan oleh Ibnu Asakir melalui jalan periwayatan yang lain seperti melalui Zaid bin Wahb daripada Ali r.a., melalui Syu'bah daripada Salamah daripada Abu az-Za'raa' daripada Ali r.a., melalui Syu'bah daripada Salamah daripada Zaid daripada Ali r.a. dan lain-lain lagi.¹⁸

Berdasarkan kepada apa yang dikemukakan di atas jelaslah bahawa riwayat berkenaan Ibnu Saba' di dalam kitab-kitab Ahlus Sunnah bukan hanya melalui Saif bin Umar dan Imam at-Thabari tetapi juga melalui sumber dan jalan periwayatan yang lain.

Begitu juga di dalam kitab-kitab Syi'ah terdapat banyak riwayat bukan melalui Saif bin Umar. Sebahagian daripadanya seperti:

Beberapa riwayat yang dinukilkan oleh al-Kasyisyi:

حدثني محمد بن قولويه . قال : حدثني سعد بن عبد الله . قال حدثنا يعقوب بن يزيد ومحمد بن عيسى عن علي بن مهزيار عن فضالة بن أيوب الأزدي عن أبان بن عثمان قال : سمعت أبا عبد الله عليه السلام يقول : لعن الله عبد الله بن سبأ إنه ادعى الربوبية في أمير المؤمنين عليه السلام ، وكان والله أمير المؤمنين عليه السلام عبداً لله طائعاً ، الويل لمن كذب علينا ، وأن قوماً يقولون فينا ما لا نقوله في أنفسنا ، نبرأ إلى الله منهم ، نبرأ إلى الله منهم ."

Muhammad bin Qulaiwaih telah meriwayatkan kepada saya, katanya: Sa'ad bin Abdullah telah meriwayatkan kepada saya, katanya: Ya'kub bin Yazid dan Muhammad bin 'Isa telah meriwayatkan kepada kami daripada Ali bin Mihziyar daripada Fadhalah bin Ayyub al-Azdi daripada Aban bin Uthman katanya, aku mendengar Abu Abdillah Jaafar al-Sadiq berkata: "Semoga Allah melaknat Abdullah bin Saba, sesungguhnya dia mendakwa Rububiyah (ketuhanan) pada Amirul Mukminin a.s. sedangkan demi Allah, Amirul Mukminin a.s. adalah seorang hamba Allah yang taat. Celakalah ke atas sesiapa yang berdusta atas nama kami. Sesungguhnya ada kaum yang memperkatakan tentang kami apa yang tidak kami perkatkan tentang diri kami sendiri. Kami berlepas diri kepada Allah dari mereka, kami berlepas diri kepada Allah dari mereka".¹⁹

¹⁷ Ibid.

¹⁸ Ibid.

¹⁹ Rijal al-Kasyisyi jil. 1 hal. 325

حدثني محمد بن قولويه القمي، قال: حدثني سعد بن عبدالله بن أبي خلف القمي، قال: حدثني بن عثمان العدي، عن يونس بن عبدالرحمن، عن عبدالله بن سنان، قال: حدثني أبي، عن أبي جعفر عليه السلام ان عبدالله بن سبأ كان يدعى النبوة ويزعم أن أمير المؤمنين عليه السلام هو الله (تعالى عن ذلك). فبلغ ذلك أمير المؤمنين عليه السلام فدعاه وسأله؟ فأقر بذلك وقال نعم أنت هو، وقد كان ألقى في روعي أنك أنت الله وأني نبي. فقال له أمير المؤمنين عليه السلام: ويلك قد سخر منك الشيطان

Muhammad bin Qulaiwaih telah meriwayatkan kepada saya, katanya: Sa'ad bin Abdullah al-Qummi telah meriwayatkan kepada saya, katanya: Ibnu Uthman al-'Abdi telah meriwayatkan kepada saya daripada Yunus bin Abd ar-Rahman daripada Abdullah bin Sinan, katanya: Ayahku telah meriwayatkan kepadaku daripada Abu Ja'far a.s. katanya: "Sesungguhnya Abdullah bin Saba' telah mendakwa kenabian dan mendakwa Amir al-Mukminin Ali itulah Allah. (Maha Tinggi Allah daripada semua itu)". Apabila sampai berita itu kepada Amirul Mukminin a.s., maka beliau memanggilnya dan bertanyanya tentang perkara itu. Dia pun mengakuinya dengan berkata: "Ya, sememangnya engkau Dia (tuhan), telah timbul dalam fikiranku bahawa engkau sememangnya Allah dan aku pula seorang nabi. Kemudian Amir al-Mukminin a.s. berkata kepadanya: Celaka engkau! Sesungguhnya engkau telah ditundukkan oleh syaitan.

حدثني محمد بن قولويه، قال: حدثني سعد بن عبدالله، قال: حدثنا يعقوب بن يزيد ومحمد بن عيسى، عن ابن أبي عمير، عن هشام بن سالم، قال: سمعت أبا عبدالله عليه السلام يقول وهو يحدث أصحابه بحديث عبدالله بن سبأ وما ادعى من الربوبية في أمير المؤمنين علي بن أبي طالب، فقال: انه لما ادعى ذلك فيه استتابه أمير المؤمنين عليه السلام فأبى أن يتوب فأحرقه بالنار.

Muhammad bin Qulaiwaih telah meriwayatkan kepada saya, katanya: Sa'ad bin Abdullah telah meriwayatkan kepada saya, katanya: Ya'kub bin Yazid dan Muhammad bin 'Isa telah meriwayatkan kepada kami daripada Ibnu Abi 'Umair daripada Hisyam bin Salim katanya: "Saya mendengar Abu 'Abdillah a.s. ketika menceritakan kepada sahabat-sahabatnya tentang cerita Abdullah bin Saba' dan dakwaan ketuhanan pada Amir al-Mukminin Ali bin Abi Talib dengan berkata: "Bila dia melakukan dakwaan tersebut Amir al-Mukminin a.s. memintanya supaya bertaubat lalu ia enggan untuk bertaubat. Maka Amir al-Mukminin a.s. pun membakarnya dengan api".²⁰

Riwayat-riwayat berkenaan Ibnu Saba' yang didapati dalam kitab-kitab Ahlus Sunnah dan Syi'ah selain dari kitab al-Thabari dan melalui Saif bin Umar sudahpun memadai untuk memutuskan sejauh mana kebenaran wujudnya pengasas ajaran Syi'ah tersebut. Berkuburnya tokoh ini daripada lipatan sejarah bermakna berubahlah sejarah bermulanya ajaran Syi'ah dan punca-punca ajarannya yang sebenar. Kerana itu golongan Syi'ah

²⁰ Rijal al-Kasysyi jil. 1 hal. 324

bermati-matian menafikan kewujudan individu tersebut. Di antara alasan lain yang dikemukakan mereka ialah ketiadaan Ibnu Saba' di dalam medan Siffin dan Jamal menunjukkan bahawa ia tidak wujud. Andaikata ia sememangnya wujud pasti ia akan menyertai mana-mana medan perang tersebut memihak kepada Ali r.a.

Jawapan kepada alasan tersebut ialah jika diperhatikan kepada peristiwa sejarah yang dinukilkan ahli sejarah maka kita akan dapati tidak semuanya disebutkan secara terperinci sehingga nama setiap orang yang terlibat dengan peristiwa tersebut tidak akan tertinggal. Begitu juga dengan apa yang berlaku di zaman Khalifah Ali r.a.. Tidak disebutkan nama Ibnu Saba' atau sama ada ia terlibat atau tidak di dalam peperangan tersebut bukan menunjukkan bahawa ia wujud atau tidak. Kerana itu alasan atau kekeliruan yang cuba ditimbulkan ini langsung tidak memberikan sebarang kesan kepada kewujudan Ibnu Saba' sebagaimana yang termaktub di dalam lembaran sejarah.

Sebagai penutup kisah berkenaan Ibnu Saba' kita kemukakan apa yang dikemukakan sejarawan mutaakhir Ahmad Amin di dalam Fajr al-Islam.

"Di akhir pemerintahan Uthman r.a. berkembanglah satu gerakan rahsia yang menggesa supaya disingkirkan khalifah ketika itu dan dilantik orang lain menggantikannya. Di kalangan mereka terdapat golongan yang menyatakan dengan jelas supaya melantik Ali r.a. dan pendakwah yang paling masyhur ialah Abdullah bin Saba'. Dia adalah seorang Yahudi Yaman lalu berpura-pura memeluk Islam kemudian berpindah ke Basrah, Kufah, Syam dan Mesir dengan menyebarkan fahaman bahawa setiap nabi mempunyai washi (penerima wasiat) dan Ali adalah washi Muhammad. Tidak ada orang yang lebih zalim daripada orang yang tidak melaksanakan wasiat Rasulullah s.a.w. bahkan menyalahi wasiatnya. Dia adalah orang yang paling aktif menghasut orang ramai pada ketika itu supaya menentang Uthman r.a. sehingga terbunuh khalifah ketiga umat Islam itu".²¹

Demikian secara ringkas sejarah awal Syi'ah dan pengasasnya serta ajaran yang diasaskan olehnya. Selepas itu ajaran tersebut terus berkembang dengan bertambah satu demi satu ajaran yang langsung tidak ada kena mengena dengan Nabi Muhammad s.a.w. dan anak cucunya. Antaranya ialah ajaran taqiyyah (menyembunyikan sesuatu di dalam hati serta menyatakan sebaliknya) berdasarkan sejarah bermula bilamana Sayyidina Ali r.a. bertindak terhadap pengikut Ibnu Saba' ini. Antaranya ketika beliau berkhutbah mengingatkan umat Islam berkenaan kedudukan sebenar Sayyidina Abu Bakar dan Umar r.a. dan memerintahkan supaya mereka dibakar maka mereka mula menyembunyikan pegangan mereka terutama berkaitan Abu Bakar dan Umar r.a. serta menyatakan pegangan sebaliknya. Kerana itu ramai dari kalangan mereka ini terselamat dari hukuman yang dijatuhkan oleh Sayyidina Ali r.a..²²

Selepas zaman Sayyidina Ali r.a. pendusta-pendusta atas nama Ahlul Bait yang mewarisi peranan Ibnu Saba' di dalam memesongkan ajaran Islam ini semakin berkembang. Bukti tentang penyelewengan ini terdapat di dalam kitab-kitab Syi'ah sendiri. Antaranya ialah apa yang dikemukakan oleh Sayyid Muhammad Amin di dalam kitabnya:

²¹ Fajr al-Islam 269

²² Tathbit Dalail an-Nubuwwah, Abdul Jabbar al-Humazaani jil. 2 hal. 549

روى عن أبي جعفر محمد بن علي الباقر - عليهما السلام - أنه قال لبعض أصحابه : يا فلان ما لقينا من ظلم قريش إيانا وتظاهرهم علينا وما لقي شيعتنا ومحبونا من الناس أن رسول الله (ص) قبض وقد أخبر أنا أولى الناس بالناس ، فمالات علينا قريش حتى أخرجت قريش الأمر عن معدنه واحتجت على الأنصار بحقنا وحجتنا ثم تداولتها قريش واحد بعد واحد حتى رجعت فنكثت بيعتنا ونصبت الحرب لنا ولم يزل صاحب الأمر في صعود كؤود حتى قتل ، فبويع الحسن ابنه وعوهد ثم غدر به وأسلم ووثب عليه أهل العراق حتى طعن بخنجر في جنبه وانتهب عسكره وعوجلت خلاخل أمهات أولاده ، فوادع معاوية وحقق دمه ودم أهل بيته وهم وقليل حق قليل ، ثم بايع الحسين أهل العراق عشرون ألفاً غدروا به وخرجوا عليه وبيعته في أعناقهم فقتلوه ن ثم لم نزل أهل البيت نستذل ونستضام ونقصى ونمتهن ونحرم ، نقتل ونخاف ولا نأمن على دماننا ودماء أوليائنا ، ووجد الكذابين الجاحدون لكذبهم وجحودهم موضعاً يتقربون به إلى أوليائهم وقضاة السوء في كل بلدة ، فحدثوهم بالأحاديث الموضوعة المكذوبة ورووا عنا ما لم نقله وما لم نفعله

Diriwayatkan daripada Abu Ja'far Muhammad al-Baqir a.s. bahawa dia berkata kepada sebahagian pengikut-pengikutnya: "Wahai si fulan, orang-orang Quraisy tidak menzalimi kami dan memberontak terhadap kami. Apa yang berlaku kepada Syi'ah kami dan orang-orang yang mengasihi kami ialah sesungguhnya Rasulullah s.a.w. wafat dan Baginda telah menceritakan bahawa kami adalah sebaik-baik manusia. Maka orang Quraisy telah membuat konspirasi terhadap kami sehingga orang-orang Quraisy telah mengeluarkan urusan pemerintahan ini daripada bekasnya (mengenepikan kami dalam urusan pemerintahan) dan menjadikan hujjah tentang hak kami dan hujjah kami untuk mengalahkan Ansar. Kemudian Quraisy terus menguasai satu demi satu sehingga urusan ini kembali (kepada kami) lalu mereka membatalkan bai'ah kepada kami dan memulakan peperangan terhadap kami. Tuan punya urusan ini (Ali r.a.) terus berada di dalam kebenaran sehingga dia dibunuh lalu dibai'ah Hasan anaknya dan diadakan perjanjian (taat setia) kemudian dia dikhianati serta dibiarkan dan penduduk Iraq menerkamnya sehingga menikam lambungnya dengan pisau kecil. Tenteranya dirampas serta diperlakukan kezaliman terhadap perempuan-perempuannya. Lalu dia berdamai dengan Mu'awiyah dengan menumpahkan darahnya serta darah ahli keluarganya dalam keadaan mereka adalah sangat sedikit. Kemudian penduduk Iraq seramai dua puluh ribu orang membai'ah Husain lalu mereka curang terhadapnya dan memberontak terhadapnya dalam keadaan bai'ah masih lagi berada di tengkok-tengkok mereka maka mereka membunuhnya. Kemudian kami Ahlul Bait terus dihina, dihalang hak kami, dibunuh dan darah-darah kami serta pendokong-pendokong kami tidak lagi selamat. Dan keluarlah pendusta-pendusta yang keras dalam pendustaan mereka yang mengambil tempat untuk menghampirkan diri kepada pemimpin-pemimpin mereka pada setiap negeri lalu mereka menceritakan hadith-hadith yang palsu dan mereka meriwayatkan daripada kami apa yang kami tidak lakukan dan kami tidak katakannya".²³

Riwayat di atas menunjukkan bahawa selepas zaman Sayyidina Ali r.a. anak-anak beliau iaitu Hasan dan Husain r.a. telah dikhianati oleh pengikut mereka sendiri iaitu yang mendakwa sebagai Syi'ah mereka. Di samping itu golongan Syi'ah ini telah mereka-reka ajaran di atas nama Imam-imam mereka iaitu anak cucu Ali r.a.

²³ A'yaan as-Syi'ah jil. 1 hal. 34

Pendustaan ini diakui sendiri oleh anak Sayyidina Husain r.a. yang didakwa oleh golongan Syi'ah sebagai imam keempat mereka.

أبو خالد الكابلي سمعت علي بن الحسين عليه السلام يقول: ان اليهود أحبوا عزيزا حتى قالوا فيه ما قالوا فلا عزيز منهم ولا هم من عزيز، وأن النصارى أحبوا عيسى حتى قالوا فيه ما قالوا، فلا عيسى منهم ولا هم من عيسى. وانا على سنة من ذلك ان قوما من شيعتنا سيحبونا حتى يقولوا فينا ما قالت اليهود في عزيز، وما قالت النصارى في عيسى بن مريم، فلا هم منا ولا نحن منهم.

Abu Khalid al-Kabuli berkata: "Aku mendengar Ali (Zainul Abidin) bin al-Husain a.s. berkata: "Sesungguhnya Yahudi mencintai 'Uzair sehingga mereka telah mempercayai sebagaimana yang mereka katakan terhadapnya sedangkan 'Uzair tiada hubungan dengan mereka dan mereka juga tiada hubungan dengan 'Uzair. Sesungguhnya Nasara mencintai Isa sehingga mereka telah mempercayai sebagaimana yang mereka katakan terhadapnya sedangkan Isa tiada hubungan dengan mereka dan mereka juga tiada hubungan dengan Isa. Sesungguhnya kami seperti mana mereka juga, sesungguhnya satu kaum dari kalangan Syi'ah kami mencintai kami sehingga mereka mempercayai berkenaan kami sebagaimana yang dikatakan oleh Yahudi kepada 'Uzair dan sebagaimana yang dikatakan oleh Nasara kepada Isa bin Maryam, mereka tiada hubungan dengan kami dan kami tiada hubungan dengan mereka".²⁴

PERPECAHAN SYI'AH.

Selepas kewafatan Sayyidina Husain r.a. golongan Syi'ah telah berpecah kepada banyak puak. Ini disebabkan oleh perbezaan pendapat di dalam pemilihan imam-imam anutan masing-masing. Berdasarkan kepada kitab-kitab firaq boleh dikatakan perpecahan tersebut bermula selepas kesyahidan Sayyidina Husain r.a. Umpamanya Mukhtar bin Abi 'Ubaid yang berasal dari kalangan Khawarij selepas itu telah mengasaskan satu pecahan dari golongan Syi'ah yang dinamakan Kaisaniyyah. Mereka percaya dan berpegang bahawa imam yang dilantik oleh Allah selepas Husain r.a. ialah anak Ali r.a. iaitu Muhammad bin al-Hanafiyyah. Setengah pendapat mengatakan bukan selepas Husain r.a. tetapi selepas kesyahidan Sayyidina Ali r.a. lagi. Kemudian selepas kematian Muhammad al-Hanafiyyah mereka berpecah pula kepada beberapa golongan. Satu golongan dari mereka menganggap bahawa imamah terhenti setakat Muhammad al-Hanafiyyah dan dialah al-Mahdi yang ditunggu-tunggu kemunculannya. Tetapi satu golongan dari mereka yang digelar dengan al-Hasyimiyyah pula mengatakan bahawa imamah tidak terhenti setakat itu tetapi anak Muhammad al-Hanafiyyah iaitu Abu Hasyim adalah penggantinya sebagai penerus urusan imamah. Kemudian selepas kematian Abu Hasyim kumpulan ini berpecah pula kepada sekurang-kurangnya lima puak pula dan masing-masing bertelagah tentang pemilihan imam selepas itu.²⁵

Namun begitu kebanyakan golongan Syi'ah percaya bahawa imam yang dilantik selepas kesyahidan Sayyidina Husain r.a. ialah anak beliau iaitu Ali bin al-Husain yang digelarkan

²⁴ Ikhtiyar Ma'rifah ar-Rijal yang dikenali dengan Rijal al-Kasysyi juz 2 hal 120.

²⁵ As-Syahrastani *al-Milal wa an-Nihal* jil. 1 hal. 149, Ibnu Hazam *Al-Faslh fi al-Milal wa an-Nihal* jil. 4 hal. 142

dengan Ali Zainal Abidin. Pada peringkat awal selepas kewafatan beliau mereka menerima Zaid bin Ali sebagai imam tetapi selepas itu berlaku perpecahan kerana beberapa faktor. Antaranya bila Imam Zaid mengatakan bahawa ia tidak meletakkan sepenuhnya keyakinan bahawa datuknya Ali r.a. berada di atas kebenaran di dalam pertelingkahnannya dengan 'Aisyah r.a. di medan Jamal dan dengan penduduk Syam. Begitu juga beliau berpendapat Abu Bakar dan Umar r.a. adalah orang-orang yang baik cuma Ali r.a. lebih utama daripada keduanya. Walaupun begitu beliau tidak menolak perlantikan kedua-duanya sebagai khalifah kerana berpendapat harus melantik orang yang kurang dari segi keutamaan walaupun terdapat orang yang lebih utama. Inilah di antara pendapat yang dikemukakan oleh beliau yang mendorong perpecahan lalu menyebabkan sebahagian besar golongan Syi'ah menolak imamah beliau dan menganggap imam yang layak selepas Ali Zainal Abidin ialah Muhammad al-Baqir. Kemudian golongan Zaidiyyah selepas itu berpecah kepada sekurang-kurangnya tiga pula iaitu al-Batriyyah, as-Sulaimaniyyah dan al-Jarudiyyah dan mereka berbeza dengan pendapat asal Zaidiyyah dengan mula melaknat sahabat-sahabat r.a.²⁶

Selepas itu golongan Syi'ah berpecah kerana berbeza pendapat tentang perlantikan imam selepas Muhammad al-Baqir. Golongan Isma'iliyyah berpendapat bahawa anak sulung beliau iaitu Isma'il yang layak menggantikan beliau tetapi golongan Imamiyyah Ithna 'Asyariyyah menganggap Isma'il tidak layak untuk menggantikan beliau kerana ia wafat sebelum kewafatan ayahnya.²⁷

Demikian catatan yang sangat ringkas berkenaan sejarah Syi'ah dan perpecahannya. Kalau hendak dikemukakan dengan panjang lebar berkenaan sejarah mereka pasti ia akan menjadi satu bentuk tulisan yang berlainan dari coretan ringkas ini.

Di antara perbezaan yang sangat ketara di kalangan penganut Syi'ah ialah di dalam pemilihan imam al-Mahdi yang dinantikan kemunculannya oleh mereka. Syi'ah imam dua belas menanti kemunculan semula Muhammad bin Hasan al-Askari sebagai imam Mahdi walaupun kebanyakan ahli sejarah mengatakan dia tidak pernah dilahirkan di dunia ini. Satu puak dari Qaramithah pula mengatakan al-Mahdi yang dinantikan kemunculannya ialah Muhammad bin Ismail bin Ja'far as-Sadiq. Sementara itu golongan-golongan Syi'ah yang lain pula menanti kemunculan imam yang lain sebagai imam Mahdi.

Namun begitu tidak dapat dipastikan dengan tepat apakah faktor-faktor yang mendorong berlaku perpecahan yang begitu banyak di kalangan Syi'ah. Akan tetapi apa yang dikemukakan oleh al-Kasysyi ini mungkin boleh memberikan sedikit gambaran punca yang menyebabkan berlaku perbezaan dan perpecahan Syi'ah di dalam pemilihan imam.

عن المفضل بن عمر، قال: سمعت أبا عبدالله عليه السلام يوماً ودخل عليه الفيض بن المختار، فذكر له آية من كتاب الله عز وجل تأولها أبو عبدالله عليه السلام فقال له الفيض: جعلني الله فداك ما هذا الاختلاف الذي بين شيعتكم؟ قال: وأي الاختلاف يا فيض؟ فقال له الفيض: اني لا اجلس في حلقتهم بالكوفة فأكاد أشك في اختلافهم في حديثهم، حتى أرجع إلى المفضل بن عمر، فيوقفني من ذلك على ما تستريح اليه نفسي، ويطمئن اليه قلبي.

²⁶ As-Syahrastani *al-Milal wa an Nihal* jil. 1 hal. 153.

²⁷ As-Syahrastani *al-Milal wa an Nihal* jil. 1 hal. 190

فقال أبو عبدالله عليه السلام: أجل هو كما ذكرت يافيض، ان الناس أولعوا بالكذب علينا ان الله افترض عليهم لا يريد منهم غيره واني أحدث أحدهم بالحديث فلا يخرج من عندي حتى يتأوله على غير تأويله، وذلك أنهم لا يطلبون بحديثنا وحبنا ما عند الله وانما يطلبون به الدنيا، وكل يحب أن يدعي رأساً، أنه ليس من عبد يرفع نفسه الا وضعه الله، وما من عبد وضع نفسه الا رفعه الله وشرفه.

Daripada Mufaddhal bin Umar katanya: "Pada suatu hari al-Faidh bin al-Mukhtar masuk menemui Abu Abdillah (Ja'far as-Sadiq) a.s. lalu menyebutkan satu ayat daripada kitab Allah 'azza wa jalla. Lalu saya mendengar Abu Abdillah a.s. mentakwilkannya. Al-Faidh lantas bertanya kepadanya: "Semoga Allah menjadikan aku sebagai tebusanmu. Apakah perselisihan yang berlaku di kalangan Syi'ah kamu ini? Abu Abdillah bertanya: "Apakah perselisihan itu wahai Faidh? Faidh menjawab: "Sesungguhnya aku duduk di dalam kumpulan-kumpulan mereka di Kufah sehingga aku hampir ragu-ragu terhadap perselisihan mereka di dalam percakapan mereka. Sehingga aku kembali kepada al-Mufaddhal bin Umar lalu dia bersetuju denganku kepada sesuatu yang boleh menenangkan hatiku.

Abu Abdillah a.s. berkata: "Benar sebagaimana yang engkau sebutkan wahai Faidh. Sesungguhnya manusia telah berdusta atas nama kami. Sesungguhnya Allah telah memfardhukan kepada mereka yang Dia tidak mahukan daripada mereka selain-Nya semata-mata. Aku telah meriwayatkan suatu hadith kepada seseorang dari mereka lalu dia keluar dari sisiku dengan mentakwilkan bukan mengikut takwilannya yang sebenar. Perkara itu berlaku kerana mereka bukan mencari sesuatu yang ada di sisi Allah dengan hadith dan kasihkan kepada kami tetapi sebaliknya mereka mencari dunia. Masing-masing ingin supaya ia boleh mendakwa dirinya sebagai pemimpin (ikutan). Sesungguhnya tidaklah seseorang hamba mengangkat dirinya kecuali Allah akan menjatuhkannya dan tidaklah seorang hamba merendahkan dirinya kecuali ia akan diangkat dan dimuliakan oleh Allah".²⁸

Berdasarkan kepada beberapa fakta yang telah dikemukakan di atas dan yang dikemukakan oleh sebahagian ulama firaq menggambarkan sesetengah kalangan Syi'ah mengasaskan pandangan baru di dalam pemilihan imam adalah dengan maksud supaya ia boleh menjadi pemimpin di dalam pendapatnya dan diikuti oleh orang lain.

Sehingga ke zaman akhir ini boleh dikatakan beberapa golongan sahaja daripada pecahan-pecahan tersebut yang dapat bertahan dengan pengikut yang ramai dan yang lain mungkin hanya terdapat segelintir sahaja yang beri'tikad sedemikian secara individu sahaja. Fokus kini adalah lebih tertumpu kepada Syi'ah Imamiyyah Ithna 'Asyariyyah (Syi'ah Imam Dua Belas) kerana golongan inilah yang lebih meluas di dunia Islam kini.

Syi'ah Imamiyyah Ithna 'Asyariyyah ialah Syi'ah yang mempercayai keimaman dua belas imam dan mempunyai beberapa akidah yang bertentangan dengan ajaran Islam. Imam-imam tersebut ialah:

1. `Ali bin Abi Talib (wafat 40 H)
2. Hasan bin `Ali (wafat 50 H)

²⁸ Rijal al-Kasysyi jil. 1 hal. 348, Bihar al-Anwar jil. 2 hal. 246

3. Husain bin `Ali (wafat 61 H)
4. `Ali Zainal `Abidin bin Husain (wafat 94 H)
5. Muhammad al-Baqir bin `Ali Zainal `Abidin (wafat 117 H)
6. Ja`far as-Sadiq bin Muhammad al-Baqir (wafat 148 H)
7. Musa al-Kazim bin Ja`far as-Sadiq (wafat 183 H)
8. `Ali ar-Ridha bin Musa Kazim (wafat 202 H)
9. Muhammad al-Jawaad bin `Ali ar-Ridha (wafat 220 H)
10. `Ali bin Muhammad al-Jawaad (wafat 254 H)
11. Hasan bin `Ali al-`Askari (wafat 260 H)
12. Muhammad bin Hasan al-`Askari al-Mahdi (ghaib 260 H)